

7. Mempercepatkan akses pasaran antarabangsa kerana skim mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam Piawaian Antarabangsa bagi langkah fitosanitasi yang diiktiraf di seluruh dunia.

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON ?

1. Ladang atau tapak semai dengan pusat pembungkusan seperti keratan bunga, keratan dedaun, tanaman hiasan, tumbuhan akuatik dan rumput turf.
2. Pusat pembungkusan.
3. Kilang.


BAGAIMANA UNTUK MEMOHON ?

Mana-mana premis yang berminat untuk menyertai skim MPCA boleh memohon kepada Bahagian Biosecuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian (DOA) dan borang permohonan baru / pembaharuan boleh dimuat turun di halaman web www.doa.gov.my

Mereka yang berminat boleh menghubungi:

Sekretariat
Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia
Bahagian Biosecuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian,
Aras 3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603-2030 1432 / 1400 | Fax : +603-2697 7164



Nota : 1. Permohonan baru melibatkan peringkat A+B+C+D
2. Permohonan pembaharuan melibatkan peringkat A+C+D



MPCA
SKIM PERAKUAN
PENSIJILAN FITOSANITASI
MALAYSIA

PENGENALAN

Eksport komoditi pertanian ke luar negara terutamanya tanaman dan hasil tanaman memerlukan Sijil Fitosanitasi (SF) dari negara pengimpor yang mengesahkan konsainan terbabit adalah bebas daripada perosak/penyakit, tanah dan bendasir lain.

Skim Akreditasi Fitosanitasi Malaysia (Skim MPCA) diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian (DOA) dengan objektif menyediakan persijilan kepada pemilik ladang/nurseri, pusat pembungkusan dan kilang yang memiliki sistem fitosanitari yang mematuhi International Standard Phytosanitary Measures (ISPMs) dan menepati keperluan negara pengimpor.

Di bawah Skim MPCA, ianya membantu pengeksportan produk pertanian terutama yang mudah rosak dengan pengeluaran Sijil Fitosanitasi dengan pemeriksaan yang minimal.

Premis yang menghasilkan komoditi untuk eksport yang diperakui dalam Skim MPCA adalah merupakan premis yang ada kawalan perosak/penyakit yang sistematik dan dalam keadaan terkawal status perosak/penyakit dimana pemilik sendiri akan menjalankan pemeriksaan dan mendokumenkan aktiviti perakuan fitosanitasi, yang lazimnya dijalankan sendiri oleh pegawai pemeriksa kuarantin.

OBJEKTIF

- I. Untuk memudahkan dan mempercepatkan perdagangan hasil tani berhubung dengan keperluan fitosanitasi.
- II. Untuk menggalakkan penglibatan industri dan pihak berkepentingan dalam pengawalseliaan dan pematuhan langkah fitosanitasi
- III. Untuk memastikan pengiktirafan terhadap sistem fitosanitasi yang boleh dipercayai.



RINGKASAN



PROSES SKIM PERAKUAN PENSIJILAN FITOSANITASI MALAYSIA (MPCA)

Proses pensijilan melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:-

- a. Permohonan bagi pemohon baru dan pembaharuan Skim MPCA.
- b. Lawatan premis oleh pegawai pembimbing yang dilantik.
- c. Latihan, nasihat dan panduan kepada pemohon.
- d. Penyediaan dokumentasi berdasarkan keperluan negara pengimpor dan keperluan Skim MPCA
- e. Pengauditan berdasarkan "Penggunaan langkah bersepadu dalam pendekatan sistem bagi pengurusan risiko (ISPM 14) yang tertumpu kepada perlindungan tanaman dan produk dari perosak pada semua peringkat pengeluaran iaitu daripada sebelum penanaman sehingga penghantaran.
- f. Perlindungan daripada serangan perosak dan serangan semula bermula daripada penerimaan bahan sehingga penghantaran di dalam premis pembungkusan.

PROSEDUR SKIM MPCA

1. Ladang mestilah merupakan tempat penghasilan atau tapak penghasilan yang bebas dari perosak atau mempunyai tahap sebaran perosak yang rendah.
2. Pusat pembungkusan dan kilang mestilah kalis serangga atau bebas dari serangga.
3. Konsainan hasilan atau produk yang sedia untuk dihantar mesti diambil sampelnya berdasarkan pemeriksaan kuarantin secara

visual. Pengambilan sampel berdasarkan ISPM 31 (Methodology for Sampling of Consistments).

4. Konsainan mestilah dibahagikan / diasingkan mengikut lot atau ladang dan negara yang dituju.
5. Kotak bungkusan mestilah kalis serangga. Lubang pengaliran udara di dalam kotak mesti ditutupi dengan jaring dawai.
6. Rawatan konsainan mesti dibuat berdasarkan keperluan negara pengimpor.
7. Penandaan pada kotak bungkusan – menggunakan nombor kod Skim MPCA yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.
8. Penyimpanan rekod ladang.
9. Penggunaan racun perosak yang didaftarkan di Malaysia dan negara pengimpor.
10. Penentuan tahap populasi perosak.
11. Pelaksanaan tinjauan berkala untuk menentukan status perosak.
12. Penggunaan sistem penanaman yang mengurangkan risiko perosak dan wabak perosak.

FAEDAH KEPADA PESERTA

1. Pendekatan yang lebih teratur dan berkoordinasi dalam mencapai produk berkualiti terutama berkenaan serangan perosak, integriti dan kebolehkesan konsainan.
2. Memastikan kepuasan pelanggan dengan produk berkualiti yang konsisten dan jaminan kualiti.
3. Lebih fleksibiliti dari segi pemeriksaan oleh Pegawai Pemeriksa Kuarantin sebelum persijilan. Peserta mempunyai lebih fleksibiliti dalam mengatur masa penghantaran, pengendalian yang minima, mengurangkan birokrasi dan laluan cepat.
4. Akses yang mudah dan cepat terhadap barang untuk pasaran eksport terutama barang yang mudah rosak dan lain-lain produk kerana pengeluaran Sijil Fitosanitasi dibuat dengan pemeriksaan yang minimum.
5. Pekerja mempunyai arah dan tujuan. Tugas-tugas diterangkan dengan jelas, didokumenkan dan difahami.
6. Penjimatkan kos dari segi sumber kewangan dan sumber manusia, pembaziran dan penolakan bahan yang minimum melalui amalan pertanian yang baik (MyGAP).